

LAMPIRAN 1
KOSMO (GENK) : MUKA SURAT 30
TARIKH : 2 JULAI 2018 (ISNIN)

30 **GENK**
EKSPRESI GENERASI KOSMO!
Oleh AFIQ AMANI NAHDIRSHA



DARI kanan: Rohaya, Faizul, Safiyyah, Muhammad Anuar, Muhammad Syazwan dan Wan Zul Azri bergambar bersama plak kemenangan di SMK Kuala Besut, Terengganu baru-baru ini.



PASUKAN KuBest Innovation ketika membentangkan projek mereka di hadapan lebih 500 peserta di Gyeongju, Korea Selatan baru-baru ini.

Anak Besut gah di pentas dunia

Pasukan KuBest Innovation dari SMK Kuala Besut, Besut, Terengganu yang mewakili Malaysia berjaya menewaskan 188 pasukan dari seluruh dunia dalam Program Pembangunan Sumber Manusia Untuk Tenaga Nuklear di Gyeongju, Korea Selatan baru-baru ini.

KETIKA berusia 14 tahun, Muhammad Anuar Ab. Ghani telah menyertai pertandingan menulis esei berkaitan nuklear anjuran Agensi Nuklear Malaysia.

Anak bongsu daripada 10 beradik itu menghabiskan masa lapangnya menjalankan penyelidikan berkaitan nuklear menerusi pembacaan buku-buku yang terdapat di perpustakaan sekolahnya.

Niatnya hanya untuk mengasah bakat dalam bidang penulisan sains dan teknologi selain menimba ilmu pengetahuan mengenai nuklear. Bagaimanapun, dia gagal dalam pertandingan tersebut hanya kerana terlupe menghantar penyertaan sebelum tarikh tutup.

Jauh di lubuk hatinya, rasa kecewa membuka-buk tetapi dia percaya itu adalah permulaan bagi sebuah kejayaan.

Justeru, apabila seorang guru sains memintanya mewakili sekolah untuk bertanding pada Program Pembangunan

Sumber Manusia Untuk Tenaga Nuklear di Gyeongju, Korea Selatan dia begitu teruja.

Malah, pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kuala Besut, Terengganu itu memasang impian untuk menebus kembali kekecewaannya dan memanfaatkan peluang tersebut dengan sebaik mungkin.

Projek *100 Things About Nuclear Science and Life* yang diketengahkan bersama dua orang lagi rakananya berjaya menambat hati juri dan diumumkan sebagai juara pertandingan terbabit menewaskan empat lagi negara iaitu Amerika Syarikat, Hungary, Jepun dan Korea Selatan.

Pertandingan anjuran Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) itu turut disertai 188 pasukan lain dari seluruh dunia termasuklah Indonesia, Filipina, India, Republik Czech, Finland dan Sweden.

ia menjadi platform kepada para pelajar yang terlibat untuk berkongsi maklumat serta pengalaman tentang impak dan aplikasi sains dan teknologi nuklear dalam kehidupan harian.

Muhammad Anuar mengakui kejayaan yang diperoleh adalah hasil usaha gigih dan tunjuk ajar yang berterusan daripada guru-guru dalam mempersiapkan pasukannya menghadapi



MUHAMMAD ANUAR



MUHAMMAD SYAZWAN

pertandingan bertaraf antarabangsa itu.

"Kami ditugaskan untuk menjalankan kempen berkaitan nuklear bersama komuniti setempat di Pulau Perhentian, Besut terutama apabila pelancong luar melawat kawasan berkenaan ketika hujung minggu.

"Kami perlu menerangkan kebaikan nuklear dan memberi pemahaman kepada masyarakat mengenainya. Ia sekali gus meningkatkan kemahiran komunikasi dan keyakinan apabila berdepan dengan orang ramai," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Tempuh cabaran

Selain itu, Muhammad Anuar memberitahu, dia dan rakan-rakannya diminta untuk membentangkan projek di hadapan ratusan pelajar ketika perhimpunan sekolah berlangsung dan bersoal jawab secara spontan.

Tidak cukup dengan itu, Muhammad Anuar berkata, pasukannya juga perlu menjalankan projek di sekolah bagi memberi pemahaman kepada para pelajar mengenai nuklear dengan menyediakan risalah dan kuiz untuk dijawab.

"Saya tidak melihat tugas yang diberikan guru sebagai beban, sebaliknya ia sebagai sebahagian daripada persediaan menghadapi pertandingan tersebut dan mencungkil bakat yang dimiliki.

"Oleh itu, kami cuba untuk memberikan yang terbaik kerana yakin ia mempunyai objektif tertentu yang ditetapkan."



BARISAN juri tekun mendengar penjelasan daripada para peserta yang bertanding pada peringkat akhir.

SAMBUNGAN... KOSMO (GENK) : MUKA SURAT 31 TARIKH : 2 JULAI 2018 (ISNIN)

ujarnya yang bercita-cita untuk menjadi seorang pakar di IAEA suatu hari nanti.

Sementara itu, seorang lagi ahli pasukan, **Muhammad Syazwan Mat Sidik**, 17, memberitahu, pasukannya berdepan cabaran getir untuk memberi pemahaman kepada masyarakat setempat mengenai nuklear.

Menurut anak kedua daripada empat beradik itu, rata-rata masyarakat yang didekati menganggap mereka sebagai pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan luas tentang nuklear kerana hanya bersekolah di luar bandar.

Oleh itu, cerita anak jati Kuala Besut tersebut, mereka sering diajukan dengan pelbagai soalan yang menguji minda bagi memperlihatkan tahap sebenar penguasaan pengetahuan dalam bidang nuklear.

"Kadang-kadang soalan yang diajukan di luar pengetahuan dan kami cuba sedaya upaya menjawab berdasarkan penyelidikan yang dilakukan.

"Kami menyertakan bukti-bukti setiap kali berhujah menggunakan pendekatan yang mudah untuk difahami," ujarnya.

Korban masa

Menurutnya, pasukannya akan membuat perbincangan beberapa kali setiap minggu dan mencari jawapan kepada persoalan-persoalan yang tidak mampu dijawab.

Menurut Muhammad Syazwan, antara cabaran lain yang dihadapi adalah dalam membina keserasian sesama ahli kumpulan sehingga kadangkala berlaku pertengkaran.

Dia memberitahu, setiap ahli kumpulan mempunyai karakter yang berbeza dan untuk memahaminya mengambil masa yang agak lama.

Bagaimanapun Muhammad Syazwan berkata, dia berusaha sedaya upaya untuk bertolak ansur dan lebih gemar berbincang apabila berlakunya

sesuatu masalah.

Muhammad Syazwan turut mengakui dia perlu bijak membahagikan masa supaya tidak ketinggalan dalam pelajaran apabila bersetuju untuk menyertai pertandingan tersebut.

"Pertandingan ini memerlukan saya berkorban masa dan tenaga tetapi saya juga tidak boleh meninggalkan pelajaran kerana peperiksaan semakin hampir.

"Mahu atau tidak, saya perlu membuat jadual supaya tidak ketinggalan dalam pelajaran selain dapat melakukan aktiviti riadah seperti biasa," katanya lagi.

Guru Penyelaras Projek, Wan Zul

Azri Wan Mod Shatar berkata, segala susah payah pasukan anak didiknya berbaloi dengan kejayaan itu dan beliau secara peribadi menyifatkan ia sebagai kemuncak kecemerlangannya sepanjang berkhidmat dalam bidang perguruan selama ini.

Menurut Wan Zul Azri, pasukan KuBest Innovation ditubuhkan pada Disember tahun lalu di bawah Projek Unit Inovasi SMK Kuala Besut diketuai Ketua Bidang Sains Matematik sekolah, Faizul Abd. Raman dibantu dirinya dan seorang lagi guru, Rohaya Husin.

Serlah kemahiran

Seorang lagi ahli pasukan, **Safiyah Muhammad Nasir**, 16, menceritakan, dia berjaya

mengasah kemahiran teknologi dan komunikasi sepanjang melibatkan diri dalam pertandingan bertaraf antarabangsa itu.

"Sebelum ini saya langsung tidak tahu menggunakan komputer untuk menghasilkan kertas kerja atau menyediakan nota ringkas untuk perbentangan.

"Guru yang banyak memberikan pengetahuan tentang penggunaan komputer sehingga saya boleh menghasilkan semuanya dengan



AGENCI Nuklear Malaysia dipertanggungjawabkan menyelidik teknologi nuklear dan yang berkaitan dengannya di Malaysia.

sendiri," katanya.

Anak bongsu daripada empat beradik itu memberitahu, jika dahulu dia agak gementar untuk berhadapan dengan orang ramai tetapi kini tidak lagi.

Manakan tidak, dia lebih yakin untuk berkomunikasi, terutamanya dalam bahasa Inggeris setelah dilatih oleh gurunya menerusi pelbagai tugas.

Pengawas di SMK Kuala Besut itu turut mengakui pengetahuannya terhadap bidang nuklear semakin bercambah, sekali gus meningkatkan semangat patriotik terhadap negara.

"Walaupun banyak pihak mengatakan bahawa nuklear ini amat berbahaya tetapi kami percaya Malaysia mampu menubuhkan pusat tenaga nuklear semaju negara-negara lain, sekali gus dijadikan tenaga alternatif bagi penghasilan sumber elektrik," katanya.



WAN ZUL AZRI



SAFIYAH

INFO Pertandingan Nuklear Antarabangsa

- Anjuran Agensi Tenaga Atom Antarabangsa yang berlangsung di Gyeongju, Korea Selatan
- Menyediakan peluang untuk berkongsi maklumat dengan pelbagai negara tentang impak dan aplikasi sains serta teknologi nuklear dalam kehidupan harian
- Penyeriaan pertandingan telah dibuka sejak tahun lalu dengan penyeriaan sebanyak 188 buah pasukan
- Amerika Syarikat, Hungary, Jepun dan Korea Selatan adalah pasukan yang layak ke peringkat akhir selain Malaysia
- Pasukan Malaysia yang menampilkan projek bertajuk 100 Things About Nuclear Science And Life mengungguli pertandingan berprestij tersebut

LAMPIRAN 2
KOSMO (GENK) : MUKA SURAT 31
TARIKH : 2 JULAI 2018 (ISNIN)

Kesungguhan rahsia kejayaan SMK Kuala Besut

KEJAYAAN pasukan KuBest Innovation mengharumkan nama negara di persada antarabangsa membuktikan sesiapa sahaja mampu berjaya asalkan mempunyai kesungguhan.

Pengetua SMK Kuala Besut, Che Soh Che Mat berkata, walaupun Malaysia bukan negara pengeluar tenaga nuklear tetapi mereka membuktikan kemampuan bersaing dengan pasukan negara lain.

"Mereka mampu

membentangkan hasil projek dalam bahasa Inggeris dengan baik dan mempengaruhi panel hakim sehingga menawarkan wakil dari Barat, Eropah mahupun Asia.

"Pencapaian ini seharusnya menjadi dorongan kepada pelajar lain, terutamanya dari sekolah harian biasa di luar bandar untuk mencapai kejayaan pada



CHE SOH

peringkat antarabangsa," katanya yang dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Menurut Che Soh, program *English Teaching Assistant* (ETA) yang dilaksanakan di sekolah itu juga merupakan salah satu faktor kejayaan pasukan tersebut.

"Program ETA yang menggunakan khidmat tenaga pengajar dari Amerika Syarikat akhirnya membuahkan hasil.

"Ia berjaya meningkatkan pengetahuan dan keyakinan diri pelajar untuk bertutur dalam bahasa Inggeris dengan lancar," katanya.

Dalam pada itu, Che Soh berharap SMK Kuala Besut akan terus menjadi sekolah yang dikenali dengan pelbagai inovasi yang baharu serta mampu mengubah persepsi masyarakat bahawa sekolah tersebut boleh berjaya walaupun terletak di sebuah perkampungan nelayan.

Mega

MAKMAL PANTAU KILAT

SERING kali kita mendengar kejadian kilat menyebabkan kesesakan lalu lintas, merosakkan harta benda malah berisiko menyebabkan kematian. Kilat atau petir adalah elektrik statik yang terbesar dan berlaku secara semula jadi.

Kilat terjadi apabila cas-cas terkumpul di dalam awan yang mengandungi kandungan kelembapan tinggi ketika bergerak di udara yang dipercayai mengakibatkan cas-cas statik terbina pada permukaan titisan air. Apabila ketumpatan cas-cas pada awan bertambah dan melanggar molekul udara maka terhasil tenaga haba yang menghasilkan kilat.

Ketika ini, ramai yang tidak mengetahui bahawa kejadian kilat yang berlaku terutama di Semenanjung Malaysia dipantau oleh sekumpulan pakar dari Makmal Sistem Pengesanan Kilat (LDS), TNB Research Sdn. Bhd., iaitu anak syarikat milik

Oleh AQILAH MIOR
KAMARULBAID
aqilah.mks@gmail.com

penyuluhan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam menyumbang data bagi membolehkan kajian dan penyelidikan ataupun tuntutan insurans. Makmal LDS yang mula beroperasi pada 1995 merupakan makmal penyelidikan yang memberi tumpuan kepada pengesanan masa nyata aktiviti kilat di Semenanjung Malaysia.

Pada mulanya makmal tersebut bertanggungjawab mengendalikan dan menguruskan Rangkaian Sistem Pengesanan Kilat yang dipasang untuk mengurangkan kesan gangguan yang disebabkan oleh kilat pada rangkaian grid TNB, kini berperanan secara menyeluruh dalam pelbagai kajian kilat, perlindungan kilat dan pembersihan. Menurut Ketua Kumpulan



NORADLINA ABDULLAH (kiri) dan Norhasliza Mohd. Hatta (kanan) melakukan pemantauan di Pusat Penyelidikan dan Pengesanan Kilat TNB Research di Kajang, baru-baru ini.

Unit Kilat dan Pembumian, TNB Research Sdn. Bhd. Mohd. Pauzi Yahaya, panahan kilat berlaku di antara awan dengan awan atau antara awan dengan bumi yang ditentukan oleh kandungan cas-cas negatif.

Walaupun kejadian kilat yang berlaku adalah di luar kawalan manusia, namun impak atau kesan daripada panahan tersebut memberi kesan terutamanya kepada TNB selalu pembekal elektrik utama negara dan mereka yang terlibat secara

langsung atau tidak dalam bidang berkaitan kilat. "Sekiranya berlaku pelantikan atau dalam kaitan mudah gangguan atau kerosakan sistem bekalan elektrik, maka di sini (LDS) memainkan peranan penting untuk menyemak sama ada gangguan tersebut berpunca daripada kilat atau tidak melalui aplikasi Sistem Pengesanan Kilat Masa Nyata (Real Time Lightning Detection System) yang memantau pada setiap hari selama 24 jam tanpa henti

KUALA Lumpur 10 April 2018 : Mohd Pauzi Yahaya (kanan) bersama Noradlina Abdullah (kiri) dan Norhasliza Mohd Hatta (belakang) menjalankan kajian mengenai kilat di Pusat Penyelidikan dan Pengesanan Kilat TNB Research Bangi

kejadian kilat berserta masa dan lokasi kejadian tersebut. Dalam pada itu, Pakar Teknikal Perlindungan Kilat, Ir. Noradlina Abdullah memberitahu, selain TNB, LDS turut menyediakan data kepada industri yang terlibat dalam bidang elektrik dan elektronik, syarikat minyak dan gas, telekomunikasi, syarikat konsultansi berkaitan kilat, mahkamah dan syarikat insurans.

Selain itu, LDS turut menyumbang data bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D), akademik dan kajian bagi institusi pengajian tinggi yang berkaitan dengan kilat dan pembumian.

"Tugas kami di sini bagi memantau dan menyediakan laporan untuk dipaparkan di Pusat Muatan Kawalan Kebangsaan yang terletak di Ibu Pejabat TNB di Bangsar, Kuala Lumpur," ujarnya.

Noradlina menambah, negara kini sedang berada peralihan monsun sehingga pertengahan Mei lalu.

Dalam tempoh tersebut, ribut petir kerap berlaku terutamanya pada sebelah petang dan awal

malam.

Pada ketika itu, negeri-negeri Pantai Barat dan pedalaman Semenanjung kerap dilanda ribut petir.

Justeru orang ramai disarankan mengamalkan teknik 30-30 bagi keselamatan terutama di tempat awam.

Ini bermakna apabila mendengar bunyi guruh, seseorang perlu mencari tempat berlindung dalam masa 30 saat dan kekal berlindung di kawasan tersebut selama 30 minit atau sehingga kilat berhenti.

"Selain itu, sekiranya anda berada di tempat awam dan luas seperti padang dan tiada tempat berlindung yang selamat, anda diminta duduk serendah-rendahnya dengan kaki yang rapat bagi mengurangkan perbezaan voltan kerana arus akan mengalir jika adanya perbezaan voltan yang boleh membahayakan diri kita," jelas Ir. Noradlina lagi.

Justeru amat penting bagi orang ramai agar mengetahui panduan keselamatan ribut petir bagi mengelakkan kejadian Yang tidak diingini.

Gambar SHAIFUDIN MOHD. NOR

LAMPIRAN 4
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 17
TARIKH : 2 JULAI 2018 (ISNIN)

Bangunkan aplikasi data kilat

DALAM pada itu Ir. Noradlina Abdullah memberitahu, pengalaman selama lebih 15 tahun dalam industri kilat dan pembinaan membolehkan pihaknya membangunkan satu lagi aplikasi secara atas talian bagi membolehkan pihak luar mendapatkan data berkaitan kilat.

"Menerusi aplikasi ini syarikat insurans atau individu boleh mendapatkan data berkaitan bacaan kilat, lokasi dan masa bagi membolehkan mereka membuat tuntutan bagi pihak pelanggan di bawah perlindungan insurans bencana alam," katanya.

Pembangunan aplikasi ini dibangunkan oleh Mohd. Pauzi Yahaya bagi membolehkan perolehan data dilakukan secara tepat pada masa kejadian sebenar yang dilakukan di makmal Makmal Sistem Pengesanan Kilat (LDS).

"Melalui data-data yang diperoleh, kami akan menyediakan laporan untuk dihantar kepada



pihak tertentubagi tindakan selanjutnya," katanya yang ditemui baru-baru ini.

Makmal Makmal Sistem Pengesanan Kilat (LDS) akan memantau aktiviti kilat menggunakan lima sensor yang setiap satunya mampu meliputi radius seluas 323 kilometer (km) yang terletak dipasang di Kapar,

Selangor; Kulai, Johor; Paka, Terengganu; Grik, Perak dan Alor Setar, Kedah.

"Kami akan melakukan pengiraan dan memaparkan pada aplikasi untuk dikongsi sekiranya berlaku aktiviti kilat yang dikesan oleh sensor. Orang awam boleh mengakses data tersebut melalui aplikasi LEWS Public Reporting, namun perlu mendaftar terlebih dahulu bagi mendapatkan kata laluan.

"Aplikasi tersebut amat mudah dan mesra pengguna kerana hanya perlu memasukkan koordinat kawasan yang dipantau, masa dan tarikh untuk mendapatkan data berkaitan aktiviti kilat yang diinginkan," tambahnya.

Noradlina berkata, lima sensor tersebut mampu mengesan lebih 95 peratus aktiviti kilat dari awan ke bumi dan 10 hingga 20 peratus aktiviti kilat awan.

Selain itu, makmal tersebut juga membekalkan data bagi taburan kawasan aktiviti kilat yang tertinggi.

"Sejak 2004 hingga 2014 didapati Selangor dan Kuala



Lumpur menerima taburan kilat paling tinggi iaitu antara 28 hingga 32 aktiviti kilat (flashes) setiap tahun bagi setiap km persegi sementara Pantai

Barat Malaysia juga menerima panahan kilat yang tinggi. Kami sentiasa mengemaskini bacaan tersebut pada setiap tahun," katanya.

LAMPIRAN 5
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA) : MUKA SURAT 26
TARIKH : 2 JULAI 2018 (ISNIN)



Petrosains gedung ilmu terbesar, tarik pengunjung belajar secara interaktif

Mengembara ke dunia sains

Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDDIN
 hctaj@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 1 JULAI

INTERAKTIF dan menghiburkan. Itu yang dapat disimpulkan apabila berkunjung ke Petrosains yang terletak di tingkat empat Suria KLCC, di sini.

Galeri sains petroleum yang dibuka sejak 1999 itu menjadi daya tarikan kepada orang ramai khususnya kanak-kanak dan pelajar sekolah untuk menerokai dunia sains dan teknologi secara lebih terperinci dan mudah difahami.

Berkunjung ke situ bagaikan memasuki makmal sains yang dilengkapi pelbagai kelengkapan, pameran dan uji kaji yang boleh menjadi aktiviti mengujakan untuk pengunjung.

Namun kunjungan ke Petrosains bukan sekadar aktiviti menyeronokkan bahkan sarat dengan maklumat dan pengetahuan mengenai keajaiban dunia sains, teknologi, kejuruteraan, sejarah, geografi dan alam sekitar.

Sudah pasti ruang-ruang yang

diketengahkan itu mempunyai daya tarikan kepada pengunjung terutama pelajar untuk berhibur sambil mempelajarinya secara praktikal, sekali gus melengkapkan ilmu teori yang dipelajari mereka di sekolah.

Dengan menerapkan elemen seperti audio visual, persembahan tiga dimensi atau 3D termasuk hologram melibatkan lebih 150 ruang pameran itu, ia menambahkan keseronokan pengunjung malah tidak jemu untuk merasa sendiri siri penjelasan tersebut menerusi deria sentuhan dan penglihatan.

Ini pasti menjadi pengalaman bermakna bagi pengunjung sekali gus mendorong minat untuk menceburi bidang sains dan teknologi atau mencetus impian untuk bergelar saintis, angkasa, jurutera atau ahli arkeologi.

Terdapat lebih 10 daripada check point yang perlu dilalui pengunjung di mana setiap check point itu mempunyai pelbagai bahan pameran, alat-alatan serta aktiviti mengujakan yang dibantu oleh para sukarelawan.

Antara check point itu adalah perjalanan sekilas masa, ruang angkasa, stesen sains, pelantar minyak, bengkel kreatif, teater 3D, digi cybersafe, sparkz, dunia molekul nano dan makmal permainan.

Penerokaan melintasi kesemua check point itu dianggarakan mengambil masa antara dua hingga empat jam bergantung kepada aktiviti dan ruang pameran yang dilawati.

Di meja eksperimen yang dikendalikan oleh sukarelawan Petrosains, pengunjung juga berpeluang membawa pulang hadiah sebagai kenang-kenangan dari kedai cenderahati di situ.

Sepanjang 19 tahun beroperasi, Petrosains menerima kehadiran jutaan pengunjung dari seluruh negara dan agensi itu akan terus komited menyalurkan sumbangan serta idea dalam usaha mempromosikan pembelajaran sains dan teknologi khususnya kepada anak bangsa.

Orang ramai yang berminat mengunjungi Petrosains boleh mendapatkan tiket di kaunter atau secara tempahan di talian

07-2331 8181 pada harga serendah RM7.50 hingga RM18.50 (kanak-kanak dan dewasa).

Petrosains yang berkeluasan lebih 70,000 meter persegi dan terletak di aras empat pusat beli-belah Suria KLCC itu dibuka dari Selasa hingga Ahad bermula pada pukul 9.30 pagi hingga 6.30 petang.



PELAJAR merasa sendiri siri penjelasan menerusi aktiviti disediakan.

ANTARA program interaktif yang disediakan kepada pengunjung.

LEMBANGKLANG
 NEGERISEMBILAN
 MELAKA

REAKSI

SARAT DENGAN MAKLUMAT

"PETROSAINS boleh diumpamakan sebagai taman tema yang sarat dengan pelbagai aktiviti hiburan bersulamkan ilmu pengetahuan. Para pelajar yang berkunjung ke sini merasa keseronokannya."

P. ROGHINI
 Guru

"PELBAGAI bentuk eksperimen dan uji kaji dapat dijalankan sendiri oleh pengunjung di sini. Ia bukan sekadar menambahkan pengetahuan malah memupuk budaya kerja dan semangat kerjasama antara satu sama lain."

AFIQAH SUHADA ILHAM
 Pelajar

"AKTIVITI yang disediakan di sini mendedahkan pengunjung tentang dunia sains dan teknologi sekali gus meningkatkan daya kecerdasan dan pemikiran mereka."

YASMIN AYUNI
 MOHD. HAZERY
 Sukarelawan

LAMPIRAN 6

UTUSAN MALAYSIA (RENCANA) : MUKA SURAT 9

TARIKH : 2 JULAI 2018 (ISNIN)



Saintisme merosakkan ilmu yang bersepadu

BLAISE Pascal ialah pakar matematik, saintis dan pereka cipta dari Perancis. Sebagai pakar matematik, beliau menulis tentang geometri unjuran, teori kebarangkalian dan kalkulus diferensial. Saintis ini berjasa besar dalam kajian bendalir, konsep tekanan atmosfera dan hampagas. Beliau ialah perintis dalam rekacipta kalkulator, barometer dan picagari.

Meskipun demikian, Pascal amat menentang saintisme, atau kepercayaan bahawa kaedah sains harus diguna pakai untuk semua bentuk ilmu. Saintisme juga percaya satu masa nanti sains akan menyelesaikan apa juga masalah manusia.

Pada hemat Pascal, untuk terselamat daripada saintisme, kita perlu menghargai dua aspek asasi kecerdasan: kecerdasan geometrik (*esprit géométrique*) dan kecerdasan rasa-hati (*esprit de finesse*). Keseimbangan harus sentiasa dipelihara antara dua arah bertentangan akal manusia.

Dalam keserjanaan Islam, seperti yang dirumuskan oleh Ibn al-'Arabi, al-Sha'rani dan al-Zabidi, terdapat tiga tertib ilmu, yang diistilahkan *ilm al-'aql*, *ilm al-ahwal*, dan *ilm al-asrar*.

Tertib ilmu yang pertama, ilmu akal adalah apa jua ilmu yang diperoleh sama ada secara naluri atau melalui proses berfikir.

Ilmu yang diperoleh secara naluri merujuk kepada asas bagi semua proses berfikir, seperti hukum bukan-percanggahan dalam logik (*principle of non-contradiction*). Ia juga merujuk kepada maklumat yang swaketara atau aksiom, yang tidak dapat disangkal, contohnya - 1 adalah separuh daripada 2.

Dalam hal ilmu yang diperoleh melalui proses berfikir, maklumat diraih melalui penyelidikan akliah terhadap dalil atau keterangan, dengan syarat dia memahami petunjuk dalil berkenaan. Penekanan ilmu akal adalah kepada proses berfikir secara diskursif, yang menyelidik dan menyimpulkan sesuatu secara logikal. Oleh kerana kesalahan dan kekeliruan juga boleh berlaku, sebahagian dugaan akal adalah sah dan sebahagian yang lain tidak sah atau fasid.

Tertib yang kedua dipanggil *ilm al-ahwal*, yang diperoleh dengan merasai atau mengecap hal atau keadaan sesuatu. Contohnya, kemanisan madu, kepahitan jad-am, kelazatan bersenggama, keasyikan cinta, dalamnya kasih, dan gelora rindu.

Ilmu tentang perkara-perkara tersebut hanya boleh diraih dengan mengecap atau merasa atau mengalaminya langsung secara tahqiq. Tanpa merasainya secara langsung, tidak mungkin dapat meraih ilmu tersebut. Secerdas mana pun seseorang itu, dia tidak akan dapat meraih ilmu tersebut semata-mata menerusi definisi atau dengan menyusun dalil-dalil fikiran.

Hakikat bahawa ilmu ini dirasai dan dialami secara langsung menutup kemungkinan untuk ia dipindahkan melalui nukilan perkataan, laporan lisan atau perbincangan panjang berjela. Tidak mungkin untuk orang yang merasainya menjadikan orang lain yang tidak merasai untuk mengalami ilmu yang sama.

Kalaupun ilmu ini perlu diajar kepada orang lain, cukuplah mengungkapkannya secara "peribatan isyarat" yang membayangkan maksud sebenar orang yang merasai dan mengecapinya.

Kesalahan dan kekeliruan ilmu ini dalam kalangan ahli al-zawq tergambar dalam keadaan seseorang yang lidahnya dipenuhi hempedu, hingga dia merasai madu pahit rasanya, sedangkan hakikat sebenar bukan sedemikian. Apa yang sebenarnya menyentuh lidah (alat perasa jasmani) adalah hempedu dan bukan madu.

Tertib ketiga ilmu digelar *ilm al-asrar* iaitu ilmu yang rahsia yang dizahirkan oleh Allah ke dalam hati seseorang Nabi dan wali.

Justeru, ilmu ini melampaui batas ilmu yang diperoleh melalui dugaan fikiran. Ini adalah ilmu yang menurut Nabi Muhammad dihiburkan melalui roh al-Quds (iaitu Malaikat Jibril) dalam hati. Inilah ilmu yang khusus bagi para nabi dan wali yang tulen, seperti firman-Nya - "(Allah) menentukan kurnia rahmat-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah mempunyai anugerah yang maha besar" (Ali 'Imran, 5:34).

Contoh kurnia rahmat Allah yang maha besar khusus kepada para wali adalah yang dianugerahkan-Nya kepada wali dalam kalangan umat Nabi Sulaiman: "Berkatalah seorang yang mempunyai ilmu daripada al-Kitab [al-Taurat], 'Aku akan membawa singgahsana itu kepadamu (dari Yaman ke Baitul Maqdis) sebelum matamu berkedip'" (al-Naml, 27:40).

Tiga contoh ilmu asrar adalah pernyataan metafizik oleh Rasulullah, "Dahulu Allah, dan tiada suatu serta-Nya pun"; pernyataan Rasulullah mengenai hari Kebangkitan yang kolam airnya lebih manis daripada madu; dan khabar daripada Tuhan kepada Rasulullah mengenai hakikat syurga dan isinya.

Meraka yang arif tentang *ilm al-asrar*, para nabi, dan para aulia, adalah golongan yang berpandangan jauh dan bijaksana (hukama') yang arif tentang segala ilmu dan memahaminya secara yang menyeluruh, seperti ilmu-ilmu ilahiyat, sains tabii, matematik dan mantik. Justeru, menurut Ibn al-'Arabi: "Tidak ada ilmu yang lebih mulia daripada ilmu yang serba mencakupi yang mengandungi segenap ma'lumat (al-hawi 'ala jami' al-ma'lumat)."

PENULIS ialah Felo Utama/Pengarah Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

LAMPIRAN 7
SINAR HARIAN (INOVASI) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 2 JULAI 2018 (ISNIN)

Hilman bersama
tiga sahabat begitu
mencintai warisan dan
budaya.



Hilman menunjukkan
hasil teknologi Wariscan
yang diusahakan.



Guna teknologi martabat seni dan budaya

Demi mengangkat industri seni dan budaya dan rasa cinta yang mendalam terhadap warisan, tiga anak muda mengorak langkah memulakan Wariscan, perniagaan yang menyediakan perkhidmatan mengimbas menggunakan pengimbas beresolusi tinggi.

Bermula dengan modal yang sedikit serta status sebagai pelajar ketika itu, tidak menghalang Mohamad Hilman berniaga.

Dengan menerima sokongan dan bantuan daripada University of Malaya Centre of Innovation and Commercialization (UMCIC), Wariscan yang ditubuhkan pada Januari 2016, kini bergerak maju.

Menurut Hilman yang juga Ketua Pegawai Eksekutifnya, idea asal penubuhan Wariscan adalah untuk memastikan budaya warisan dan sejarah diperkenalkan kepada generasi muda akan datang dengan menggunakan teknologi.

"Kami percaya untuk menjadi negara hebat, kita mesti menyukai budaya kita, menerima sejarah dan menghayati warisan.

"Untuk pastikan ia berjalan lancar kita kena digitalkan kesemua warisan dan budaya yang ada. Ini perlu, sekiranya terjadi sesuatu kepada yang asli, sekurang-kurangnya ada yang digital sebagai 'backup,'" katanya.

BERMULA DENGAN PELUANG

Menurut Hilman, Wariscan menyediakan servis mengimbas lukisan, tekstil dan manuskrip lama dengan menggunakan pengimbas beresolusi tinggi untuk tujuan penyimpanan, dokumentasi dan pengarkibian.

"Di Malaysia, ini satu-satunya mesin yang ada dan dimiliki oleh Fakulti Kejuruteraan, UM. Sebagai pelajar di sana ketika itu, kami melihat peluang yang ada, disamping

WARISCAN, CINTA TIGA ANAK MUDA

memaksimumkan penggunaan teknologi ini untuk masyarakat Malaysia.

"Mesin ini kami sewa dan secara tidak langsung membantu universiti menghasilkan pendapatan. Ia bertepatan kehendak universiti yang mahu pelajar bersifat keusahawanan," ujarnya.

Mengambil contoh di Kyoto, Jepun, Hilman menjelaskan, teknologi ini semakin berkembang pesat dan kepentingannya semakin diterima masyarakat di sana.

"Di Kyoto, bukan sekadar lukisan, tetapi dinding kuil juga disimpan sebagai rekod.

"Saya melihat negara maju, apabila sampai disatu tahap mereka menyedari akan kepentingan terhadap seni budaya dan warisan. Di Malaysia juga sudah nampak pergerakan ke arah itu. Kita nampak peluang teknologi ini kepada industri budaya di sini," ujarnya.

KEKANGAN MODAL

Berkongsi pengalaman di awal penubuhan Wariscan, Hilman berkata ia bukanlah sesuatu yang mudah, apatah lagi untuk membina kepercayaan pelanggan terhadap perniagaan yang diusahakan.

Menyakinkan orang adalah cabaran paling utama, selain daripada kekangan modal.

"Kita tengok di luar negara ada permintaan seperti di Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah. Persoalannya, di Malaysia ini ada ke pihak yang berminat?"

"Kita jumpa dengan pelbagai pihak

antaranya, muzium dan galeri. Tetapi nampaknya isu bajet merupakan isu utama kerana apa yang muzium perlukan di sini adalah kedatangan pengunjung" katanya.

